



## INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

### **Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh.**

**Siti Humairah Abdul Rahaman<sup>1</sup>, Nora'Azian Nahar<sup>1\*</sup>**

*Kuliah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.*

*\*Corresponding author's email: [noraazian@iium.edu.my](mailto:noraazian@iium.edu.my)*

#### **ABSTRAK**

Kajian ini adalah mengenai kefahaman makna peribahasa dalam kalangan pelajar Universiti Islam antarabangsa Malaysia kampus Pagoh. Kajian ini berbentuk kualitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman peribahasa dalam kalangan pelajar. Tambahan pula, objektif kajian ini juga adalah untuk menganalisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kampus Pagoh. Teori Relevans telah digunakan untuk mengkaji kefahaman makna peribahasa. Pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan sebagai kaedah penumpulan data. Kajian mendapati bahawa tahap kefahaman peribahasa dalam kalangan pelajar adalah pada tahap yang baik dan memuaskan. Pelajar dapat dan mampu memberikan makna peribahasa yang dinyatakan dengan tepat dan baik. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat dijadikan rujukan untuk pengkaji akan datang.

*Kata kunci: peribahasa, Teori Relevans, pelajar, kefahaman.*

#### **PENGENALAN**

Peribahasa Melayu mempunyai identiti yang tersendiri dan berbeza dengan peribahasa bahasa yang lain. Bagi membolehkan sesuatu topik, objek, atau perkara dinyatakan, diterangkan, digambarkan dan dihuraikan dengan lebih baik, komprehensif, dan berkesan, berbanding dengan makna harfiahnya, teknik metafora telah digunakan. Pemahaman antara kedua-dua belah pihak dijangka akan bertambah baik, dengan lebih jelas dan mendalam, maka perbandingan dua perkara, objek dan topik yang mempunyai sifat yang sama. (Ding Choo Ming, 2009).

Peribahasa juga telah diajar dan dipelajari oleh semua peringkat umur bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai keindahan, isi tersurat mahupun tersirat tentangnya. Hal ini adalah untuk memelihara warisan yang telah ditinggalkan sejak zaman - berzaman. Kerajaan dan badan-badan terbabit telah merancang dan menjalankan pelbagai usaha untuk mempromosikan dan mengekalkan kelangsungan warisan negara ini tetapi harus disedari, semua usaha ini perlu berakar tunjang di bangku sekolah lagi (Mohd Ridzuan & Mary Fatimah, 2018).

## **KAJIAN LEPAS**

### **Kajian mengenai peribahasa**

Kajian yang bertajuk “Melestarikan Peribahasa Sebagai Warisan Bangsa Melalui Pendekatan Alternatif Dalam Pendidikan Bahasa Melayu” oleh Mohd Ridzuan Dan Mary Fatimah (2018) dirujuk. Penguasaan murid terhadap peribahasa adalah lemah walaupun telah diajar dari bangku sekolah rendah. Kajian tersebut mengetengahkan kaedah untuk menguasai peribahasa. Walau bagaimanapun, kajian tersebut menggunakan responden yang berbeza, iaitu murid sekolah rendah. Kajian ini telah memfokuskan permainan kad imbas yang menjadikan pembelajaran lebih menarik. Model permainan tersebut dikenali sebagai model PISATUM. Dapatan kajian tersebut menunjukkan model permainan pendidikan menjadikan kaedah pembelajaran lebih menarik dan difahami. Kajian ini telah melihat kepada ujian pra dan pos yang diberikan kepada murid. Pengkaji mendapati bahawa kajian seperti ini dapat membantu menambahkan minat terhadap kefahaman mengenai peribahasa.

### **Kajian Mengenai Teori Relevans.**

Selain itu, kajian oleh Julaina Nopiah dan Nor Hashimah Jalaludin (2011) yang bertajuk “Penguasaan Tatabahasa Remaja Malaysia: Analisis Pragmatik” telah dirujuk oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai Teori Relevans. Kajian ini menggunakan teori relevans bagi mengkaji kemahiran membina ayat dan kemahiran mengaplikasi peribahasa. Pengkaji telah memfokuskan kajian dalam aspek tatabahasa. Pengkaji memilih remaja yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat sebagai responden kajian. Hasil kajian mendapati, remaja kurang menguasai maklumat pragmatik mengenai peribahasa yang diberikan. Responden kajian tersebut adalah golongan remaja yang terdiri daripada pelajar sekolah tingkatan empat, manakala, pengkaji menggunakan pelajar universiti sebagai responden kajian ini.

## **KERANGKA TEORITIKAL**

Kerangka teoritikal menerangkan secara ringkas tentang teori yang digunakan. Kerangka teoritikal membantu bagi memudahkan pemahaman teori yang digunakan sebagai sandaran menjalankan kajian ini.

Kerangka teoritikal amat penting bagi menjalankan kajian. Hal ini demikian kerana, untuk memastikan kajian berada pada landasan yang betul. Terdapat dua objektif kajian yang harus dicapai. Pertama, adalah bagi mengenal pasti tahap kefahaman peribahasa yang telah dipelajari. Seterusnya, adalah menganalisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan pelajar. Pengkaji telah menggunakan Teori Relevans untuk mencapai objektif yang kedua.

Teori tersebut telah dipelopori oleh Sperber dan William pada tahun 1986 dan telah diperkembangkan pada tahun 1995. Teori ini telah meliputi fakta tentang pembentukan dan pemilihan konteks serta prinsip relevans. Terdapat tiga prinsip utama konsep, iaitu konteks, kesan konteks

dan kos memproses. Tiga prinsip utama tersebut membantu penginterpretasian makna. Psikologi manusia yang membina andaian tentang sesuatu perkara dikenali sebagai konteks. Hipotesis saintifik, masa, keagamaan atau kepercayaan yang melibatkan andaian terhadap pemikiran penutur juga adalah konteks. Kesemuanya memainkan peranan dalam interpretasi.

Bagi menghuraikan proses pemahaman sesuatu ujaran, selain daripada konteks, kesan konteks juga adalah penting. Kesan konteks yang lebih membuatkan sesuatu ujaran dianggap lebih relevan. Pendengar akan menggabungkan atau memperkuat atau menggugurkan konteks yang dikemukakan bagi menghasilkan kesan konteks. Tambahan pula, usaha pendengar untuk memproses maklumat atau makna ujaran adalah dikenali sebagai kos memproses. Kos memproses maklumat bagi sesuatu ujaran dianggap rendah sekiranya ujaran tersebut mudah untuk difahami dan sebaliknya. Dalam kajian ini, teori ini akan digunakan bagi menganalisis kefahaman makna peribahasa yang diberikan kepada responden.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Kini, penggunaan peribahasa dalam komunikasi seharian masyarakat kian pudar terutamanya dalam kalangan generasi muda. Hal ini terjadi kerana, generasi muda kurang memahami maksud yang tersirat dan tersurat dalam peribahasa Melayu. Maksud implisit yang didukung oleh peribahasa tidak dapat difahami oleh pelajar (Hasmidar Hassan, 2016). Berdasarkan pemerhatian pengkaji melalui kajian-kajian lepas, tahap kefahaman peribahasa pelajar tidak memuaskan. Hal ini telah menunjukkan penguasaan terhadap peribahasa sangat tidak memberangsangkan. Pelajar dan generasi muda seharusnya boleh menguasai penggunaan dan makna peribahasa dengan baik kerana telah mempelajarinya sejak dibangku sekolah lagi. Permasalahan ini membuatkan pengkaji ingin melihat sejauh mana kefahaman pelajar Universiti Antarabangsa Islam Malaysia tentang peribahasa.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Setiap kajian yang dijalankan haruslah mempunyai objektif ataupun matlamat yang tersendiri. Hal ini bagi membantu pengkaji mencapai matlamat dan menjalankan kajian dengan tepat. Matlamat tersebut adalah bagi memastikan kajian yang dijalankan berada pada landasan yang betul. Objektif bagi kajian ini adalah:-

1. Mengenal pasti tahap kefahaman peribahasa yang telah dipelajari pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kampus Pagoh.
2. Menganalisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kampus Pagoh

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan beberapa kaedah, iaitu:

- 1) Kaedah Kepustakaan
  - Bahan bacaan
  - Laman sesawang
- 2) Kaedah Lapangan.
  - Soal selidik

Bagi objektif pertama dan kedua, pengkaji telah mendapatkan data dengan menjalankan kajian lapangan, iaitu dengan cara mengedarkan soal selidik. Soal selidik ini diteliti dan dianalisis bagi mendapatkan maklumat.

## DAPATAN KAJIAN

Soal selidik telah diedarkan oleh pengkaji bagi mengumpulkan data kajian. Pengkaji telah membahagikan soal selidik kajian kepada beberapa bahagian, iaitu demografi responden, pengetahuan responden dan kefahaman responden tentang makna peribahasa yang diberikan.

### Pengetahuan responden

Setelah meneliti dengan terperinci, pengkaji menyedari bahawa terdapat banyak peribahasa yang dapat disenaraikan oleh pelajar. Terdapat juga pelbagai jenis peribahasa yang disenaraikan sebagai contoh pepatah dan simpulan bahasa. Berikut merupakan peribahasa yang disenaraikan oleh responden:

Peribahasa	Jenis peribahasa
Air dicincang tidak akan putus.	Pepatah
Bagai aur dengan tebing.	Perumpamaan
Cakar ayam.	Simpulan bahasa


Pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai peribahasa yang diketahui pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kampus Pagoh ini. Responden dapat memberikan contoh peribahasa yang diketahui dengan baik. Peribahasa tersebut juga terdiri daripada bentuk simpulan bahasa, perumpamaan dan pepatah. Pengkaji mendapati bahawa pengetahuan responden tertumpu kepada peribahasa jenis tersebut.

### Kefahaman responden

Pengkaji telah mengkategorikan tahap kefahaman makna peribahasa responden kepada empat skala berikut:

Tahap	Peratusan(%)
Sangat memuaskan	85 ke atas
Memuaskan	70 - 84
Kurang memuaskan	50 - 69
Tidak memuaskan	0 - 49


Jadual 1: tahap kefahaman makna peribahasa.



Rajah 1.1: Licin bagai belut.

**Maknanya: sukar dikawal.**


Belut merupakan sejenis ikan air tawar. Belut mempunyai badan yang licin disebabkan lendir yang dikeluarkan kelenjar *mucosa*. Lendir tersebut berfungsi untuk memudahkan belut bergerak di dalam lumpur. Badannya yang diselaputi lendir menyebabkan belut sangat licin dan sukar untuk dipegang. Oleh itu, peribahasa ‘licin bagai belut’ dikaitkan dengan pergerakan belut yang sukar dikawal kerana mempunyai badan yang licin. Pengkaji mendapati bahawa peribahasa ini jarang digunakan. Meskipun begitu, 53.3% responden memberikan makna yang betul untuk peribahasa tersebut. Pengkaji mendapati bahawa responden kurang memahami makna peribahasa tersebut. Tahap kefahaman responden terhadap peribahasa tersebut kurang memuaskan.



Rajah 1.2: Anak kera di hutan disusui, anak sendiri di rumah mati kebuluran.

**Maknanya: orang yang sibuk menjaga urusan orang lain sehingga urusan sendiri terabai.**

Peribahasa tersebut menggambarkan sikap seseorang yang sanggup bersusah payah menjaga anak kera di hutan. Walhal, anak sendiri tidak diendahkan. Sikap tersebut dianggap seperti menjaga urusan orang lain sehingga boleh mengabaikan urusan sendiri. Oleh itu, hal ini juga dapat diibaratkan seperti orang yang suka mengambil tahu urusan orang lain tanpa memandang diri sendiri mahupun yang di sekelilingnya. Rajah 1.2 menunjukkan 95.6% responden memahami makna peribahasa tersebut.



Rajah 1.3: Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.

**Maknanya: tidak muafakat dan mementingkan diri sendiri.**

Peribahasa tersebut adalah sejenis pepatah yang bermaksud orang yang bersifat pentingkan diri. 95.6% responden telah menjawab dengan betul manakala, 3.4% responden tidak memahami makna peribahasa kerana memilih bertolak ansur sebagai jawapan. Enau ialah sejenis pokok palma yang tumbuh di dalam hutan atau belukar. Enau juga dikenali sebagai kabung ataupun aren. Pokok enau kurang mendapat cahaya matahari oleh sebab tumbuh di dalam belukar. Maka, bagi mendapatkan sumber cahaya matahari, pokok ini akan berusaha untuk hidup lebih tinggi daripada pokok lain. Oleh itu, orang pada zaman dahulu telah mencipta peribahasa ‘bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing’ berdasarkan sifat pokok enau yang hanya berusaha sendiri untuk tumbuh membesar dengan baik. Peribahasa tersebut dicipta dengan menunjukkan konteks sifat pokok enau yang tidak bermuafakat dan mementingkan diri.

Pengkaji mendapati bahawa responden dapat mengaitkan konteks dengan makna peribahasa. Responden juga dapat memahami makna dengan lebih baik berdasarkan konteks. Tahap kefahaman responden terhadap peribahasa tersebut juga amat memuaskan kerana melebihi 85% mengetahui maknanya.

## PERBINCANGAN

Hasil daripada soal selidik *Kefahaman makna peribahasa dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kampus Pagoh*, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden mengetahui makna peribahasa. Setiap responden juga mampu menjawab dan memberikan contoh – contoh lain peribahasa dalam soal selidik ini. Pengkaji menganggap bahawa kajian ini mencapai objektif yang telah dinyatakan pengkaji sebelum ini. Tahap kefahaman responden terhadap makna keseluruhan peribahasa yang diberikan adalah sangat memuaskan. Responden dapat memahami makna peribahasa yang diberikan walaupun jarang mendengar penggunaan peribahasa dalam aktiviti seharian. Malahan, kajian ini juga telah menunjukkan betapa peribahasa Melayu masih lagi terpelihara dan diketahui oleh para pelajar.

## KESIMPULAN

Responden memahami makna peribahasa Melayu yang diberikan dengan baik. Responden dapat memahami makna peribahasa dengan merujuk konteks dan pilihan makna yang diberikan. Konteks telah membantu seseorang responden untuk memahami peribahasa yang diberikan. Walau bagaimanapun, sesetengah peribahasa tidak dapat difahami dengan baik oleh segelintir responden. Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kampus Pagoh dapat memahami kebanyakan makna peribahasa Melayu yang diberikan walaupun telah lama meninggalkan alam persekolahan. Teori Relevans dapat membantu seseorang menginterpretasi makna dengan baik. Tiga prinsip utama teori tersebut sangat membantu untuk seseorang berkomunikasi dengan baik. Dalam kajian ini, seseorang dapat memahami makna peribahasa dengan baik berdasarkan konteks, kesan konteks, dan kos memproses.

## Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2004). *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Kuala Lumpur. Pts Publication & Distribution
- Ahmad Fuad Mat Hassan dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2010). *Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai Dan Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik*. Universiti Putra Malaysia.
- Ding Choo Ming (2009). *Beberapa Sifat, Asal Usul dan Kepengarangan Peribahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasmidar Hassan Dan Jafizah Jaafar (2016). *Penginterpretasian Peribahasa Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julaina Nopiah & Nor Hashimah Jalaluddin (2011). *Penguasaan Tatabahasa Remaja Malaysia: Analisis Pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Universiti Teknologi Malaysia. Dimuat turun daripada [https://www.researchgate.net/publication/293097563\\_Metodologi\\_Pengumpulan\\_Data\\_dalam\\_Penyelidikan\\_Kualitatif](https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif)

- Mohd Ridzuan Md Nasir, (2017). *Penguasaan Peribahasa Dan Makna Menggunakan Pisatum: Satu Kajian Tindakan*. Universiti Malaysia Sarawak. Dimuat turun daripada <https://www.researchgate.net/Publication/325263298>
- Mohd Ridzuan Bin Mad Nasir Dan Mary Fatimah Subet (2018). *Melestarikan Peribahasa Sebagai Warisan Bangsa Melalui Pendekatan Alternatif Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Universiti Malaysia Sarawak. Dimuat turun daripada [https://www.researchgate.net/publication/326981506\\_Melestarikan\\_Peribahasa\\_Sebagai\\_Warisan\\_Bangsa\\_Melalui\\_Pendekatan\\_Alternatif\\_Dalam\\_Pendidikan\\_Bahasa\\_Melayu](https://www.researchgate.net/publication/326981506_Melestarikan_Peribahasa_Sebagai_Warisan_Bangsa_Melalui_Pendekatan_Alternatif_Dalam_Pendidikan_Bahasa_Melayu)
- Noor Azmira Binti Mohamed, (2015). *Pemahaman Makna Tersirat Dalam Interaksi Kanak-Kanak Prasekolah*. Universiti Malaya. Dimuat turun daripada [http://studentsrepo.um.edu.my/5908/1/NOOR\\_AZMIRA\\_BINTI\\_MOHAMED.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5908/1/NOOR_AZMIRA_BINTI_MOHAMED.pdf)
- Rashidah Awang, (2015). Apa itu kajian kualitatif. <https://www.slideshare.net/rashidahawang3/apa-itu-kajian-kualitatif>
- Sapinah Haji Said, (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Pelangi E-publishing Sdn Bhd. Dimuat turun daripada <https://books.google.com.my/books?id=7X34CQAAQBAJ&printsec=frontcover&dq=kamus+peribahasa&hl>
- Saufie Afandy Md Senin (2013). *Kamus peribahasa*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Za'ba. 1965. *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zanariah Abdoi. (2016). *Peribahasa WATAFA Edisi Keempat*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Zatul Azma Zainin Hamzah Dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). *Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- Zen shah (2013). Kajian kuantitatif. Dimuat turun daripada <https://www.slideshare.net/ZenShah/kajian-kuantitatif>